

Cadangan wujud Zon Akses Bebas di WPI dibatal

Oleh NOR SEDEK ISMAIL
dan ROHANI IBRAHIM

JOHOR BAHRU 5 April - Kerajaan telah membatalkan cadangan untuk mewujudkan kawasan Zon Akses Bebas (FAZ) di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) bagi membolehkan warga asing dari Singapura keluar dan masuk secara bebas.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, langkah itu diambil kerana ia tidak mempunyai apa-apa kepentingan untuk WPI dan tidak diperlukan.

Sebagai ganti, katanya, kerajaan menerusi Jabatan Imigresen akan memperkenalkan kad pintar yang akan memudahkan proses imigresen di antara kedua-dua buah negara.

"FAZ telah dilupuskan (dari WPI). Kita

um - 6/4/2007.

Sebagai ganti, kerajaan menerusi Jabatan Imigresen akan memperkenalkan kad pintar yang akan memudahkan proses imigresen di antara kedua-dua buah negara

tidak memerlukannya. Tidak perlu kawasan khusus untuk FAZ walaupun kawasan berkenaan ada dalam pelan (asal) WPI," katanya.

Abdul Ghani berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucap-tama pada Persidangan WPI: Perancangan dan Peluang Pelaburan di sini, hari ini.

Ketika berucap pada majlis itu, Abdul Ghani menjelaskan, insentif khas dalam WPI yang termasuk pengecualian penyertaan 30 peratus ekuiti bumiputera dalam projek-projek yang diluluskan terhad kepada

syarikat-syarikat yang beroperasi dalam kawasan 1,760 hektar dalam dua kawasan yang ditentukan.

Kedua-dua kawasan yang mempunyai insentif WPI itu katanya, ialah di Danga Bay yang mempunyai kawasan 800 hektar dan di Nusajaya yang membabitkan keluasan 960 hektar.

Ia katanya, bertujuan memastikan WPI berdaya saing.

ABDUL GHANI
OTHMAN
Menteri Besar Johor

■ Lihat muka 2

PERDANA
LEADERSHIP

YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Cadangan wujud Zon Akses Bebas di WPI dibatal

“Jadi masalah rakyat tempatan akan ditelan oleh warga asing atau menjadi orang asing di negara sendiri tidak timbul.

“Juga tidak wujud persoalan sama ada Melayu Johor dipinggirkan secara paksa dengan kemasukan warga asing terutamanya warga Singapura.

“Sebaliknya akan membawa banyak manfaat berbanding keburukan kepada warga Johor,” katanya.

Katanya, ia terbukti apabila pelancaran WPI oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada November lalu menyaksikan pasaran hartanah di kawasan selatan Johor yang sebelum ini agak dingin kini melonjak.

Abdul Ghani berkata, harga rumah kedai tiga tingkat di kawasan pembangunan pesisir pantai Danga Bay yang setahun dulu pada sekitar RM800,000 minggu lalu dibeli oleh warga Indonesia pada harga RM1.3 juta.

“Sementara di sekitar Johor Bahru, kini rumah kedai tiga tingkat boleh mencecah lebih RM900,000 iaitu meningkat 25 peratus berbanding tahun lalu,” katanya.

Selain itu katanya, beberapa projek kediaman juga turut mendapat sambutan melalui pelancaran WPI di mana tanah komersial di kawasan berkenaan yang dulunya berharga RM30 setiap kaki persegi kini berharga RM65 setiap kaki persegi.